

27/01/1999

Pelabur asing sambut baik sistem cukai keluar

PELABUR asing menyambut baik cadangan kemungkinan Malaysia memperkenalkan sistem cukai keluar bagi membolehkan mereka membawa pulang modal lebih awal dan kini mereka menunggu dengan penuh minat butiran lanjut serta tarikh pelaksanaannya.

Reaksi itu disampaikan sekumpulan 28 pengurus dana asing yang berlepas pulang semalam selepas kunjungan dua hari ke Kuala Lumpur dan mereka turut melahirkan harapan untuk kembali melabur di Malaysia.

Sumber memberitahu Berita Harian bahawa pelabur asing kini mula menunjuk kembali minat untuk melabur di Malaysia setelah mereka memahami rasional di sebalik kawalan modal secara berpilih negara yang diperkenalkan September lalu.

"Mereka berpuas hati mengenai penjelasan mengenai kawalan itu setelah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selain Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

"Bagaimanapun, sebilangan mereka masih berbelah bagi sama ada untuk melabur di Malaysia atau sebaliknya kerana masih mengambil sikap tunggu dan lihat bagaimana butiran lanjut sistem cukai keluar itu nanti," katanya.

Sistem cukai itu memang digemari pelabur asing sebagai alternatif bagi membebaskan mereka daripada terperangkap dengan dana begitu besar di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan syarat pegangan setahun terhadap modal asing yang dikuatkuasa September lalu.

Kunjungan 28 pengurus dana dari Eropah dan Amerika Syarikat itu dianjurkan penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney. Mereka mewakili firma Prudential Investment Management, Loomis, AIG London, Black Rock Financial, TCW, Guinness Flight Hambro Asset Management, Columbus Advisors dan Fineco.

Sementara itu, Ketua wakil ekuiti Malaysia dari Salomon Smith Barney Malaysia, Yeo Kar Peng, berkata keseluruhannya pengurus dana terbabit berpuas hati setelah mendengar taklimat mengenai perkembangan ekonomi di negara ini.

Pagi semalam katanya, mereka mengadakan pertemuan dengan pemimpin korporat dan diberi taklimat secara berasingan mengenai organisasi Petronas, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Bhd dan YTL Corporation.

"Tiada isu berkaitan kemungkinan syarikat ini untuk membeli bon dibincangkan. Mereka cuma ingin tahu mengenai operasi, keuntungan dan prestasi syarikat ini kerana jika mereka ingin tahu mengenai Malaysia, mereka juga nak tahu mengenai sektor korporat," katanya ketika dihubungi.

Mengenai kemungkinan ada lagi rombongan pengurus dana asing dibawa oleh firmannya ke Malaysia, beliau berkata, proses itu adalah berterusan "tetapi kami belum pasti bila".

Pengurus dana asing itu turut menemui Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, pihak Danamodal Nasional Bhd, Pengurusan Danaharta Bhd dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat.

Petang ini, pengurus dana terbabit bertolak ke Hong Kong dan kemudian ke Seoul Jumaat ini.

(END)